

25/09/2002

RTM akan terus dedah pembohongan Pas

reports on "Dewan Rakyat" by Nadzim Ahmad Jamalludin; Munaarfah Abu KUALA LUMPUR, Selasa - Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan terus mendedahkan dan menyiarkan pembohongan dan politik kebencian yang dilakukan pemimpin Pas terhadap kepemimpinan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata tujuan RTM menyiarkan tindakan pemimpin parti pembangkang itu adalah bagi menyedarkan dan menyelamatkan rakyat negara ini daripada menerima hasutan yang tidak berasas.

Sambil menyatakan rasa kesal, sedih dan kecewa dengan tindakan berterusan pemimpin parti itu yang memburukkan pemimpin negara, beliau berkata, sebagai seorang yang menerima pendidikan agama, tindakan seperti itu tidak patut dilakukan.

"Saya rasa amat kesal penghinaan harus dibuat terhadap setiap pemimpin Islam dengan cara yang begini rupa dari semasa ke semasa.

"Apa yang dilakukan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) selama ini ialah mendedahkan bahawa mereka bukan sebenarnya ulama... mereka hanyalah ulama politik.

"Jika mereka (pemimpin Pas) ulama sebenarnya, kita tidak akan mendapati mereka mengeluarkan perkataan yang tidak manis," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan pemimpin Pas yang berterusan menghina pemimpin negara.

Kelmarin, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung satu kenyataan Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengenai kebolehan Dr Mahathir membaca al-Quran.

Dalam laporan polis yang dibuat, Nik Abdul Aziz dalam satu ceramah dihadiri kira-kira 600 penyokong parti pembangkang itu, didakwa mengatakan Perdana Menteri sendiri mengakui tidak tahu membaca al-Quran ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno, Julai lalu.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz dalam satu temubual dengan lidah rasmi parti itu, Harakah keluaran 16 hingga 30 September pula menyifatkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai seorang yang tidak reti ilmu agama berkaitan dengan akidah.

Mengulas perkembangan terbaru itu, Zainuddin berkata, ia adalah tindakan keterlaluan yang harus diberi perhatian dan menyedarkan masyarakat terhadap kualiti kepemimpinan agama dalam Pas.

Mengenai tuduhan Nik Abdul Aziz bahawa RTM sudah menjadi badan penghasut dengan menggunakan klip video untuk memburukkan orang lain, beliau berkata, RTM tidak menyelewengkan fakta.

"Kita tidak menghasut sebaliknya hanya hendak membentuk dan menyelamatkan rakyat daripada menerima hasutan yang tidak berasas... itu tugas Kementerian Penerangan.

"Jika RTM tidak membuatnya, perkara ini akan terus berlaku. Ini (pendedahan yang dilakukan RTM) adalah satu perjuangan suci bagi orang Melayu dan Islam.

"Kita akan terus mendedahkan (pembohongan dan penghinaan yang dilakukan terhadap pemimpin negara) kerana taraf mereka (pemimpin Pas) adalah penjual ubat di tepi jalan," katanya.